

KAMI PERLUKAN ANDA



— UNTUK MENGENDALI —
ANTIMIKROBIAL
— DENGAN CERMAT —

Antimikrobia telah ditemui dalam abad kedua puluh dan telah memberi sumbangan besar kepada jangka hayat berbanding mana-mana ubat yang lain. **Antimikrobia telah mentransformasi perubatan manusia dan veterinar.**

MEREKA MENYELAMATKAN NYAWA!

Pada masa kini, kemunculan rintangan menjadi suatu **kebimbangan utama**: Ubat-ubatan yang berkesan untuk mengawal dan merawat penyakit haiwan serta manusia akan semakin tidak mujarab. Rintangan antimikrobia menjadi ancaman utama kepada kesihatan dan kebajikan haiwan, bekalan makanan dan keselamatan makanan – seluruh dunia.

KAMI PERLUKAN ANDA BERTINDAK SEKARANG UNTUK MEMELIHARA EFIKASI ANTIMIKROBIAL DEMI HARI ESOK



WORLD ORGANISATION FOR ANIMAL HEALTH
Protecting animals, preserving our future

APAKAH RINTANGAN ANTIMIKROBIAL DAN BAGAIMANA IANYA MENGANCAM KITA?

- Apabila bakteria menjadi rintang, agen antimikrobia (atau ubat) tidak lagi berkesan dan tidak lagi boleh membantu mengawal atau merawat penyakit. Fenomena ini dikenali sebagai rintangan antimikrobia (AMR).
- Rintang merupakan ancaman kepada kesihatan dan kebajikan haiwan, samada akuatik maupun daratan. **Resistant bacteria can circulate between humans, animals and the environment and do not respect borders.** It is therefore, a global human and animal health concern.
- Salah guna dan terlebih guna antimikrobia dalam haiwan, manusia atau tumbuhan menjadi faktor utama mendorong kemunculan dan pembangunan rintangan antimikrobia. Sememangnya, setiap penggunaan antimikrobia yang tidak wajar (penggunaan yang tidak diperlukan, penggunaan untuk bakteria atau virus tidak mudah rentan, di bawah dos, dan sebagainya) akan meningkatkan risiko kejadian rintangan antimikrobia.

KAMI
PERLUKAN
ANDA

ANDA ADALAH TAJUK UTAMA

Kita semua mempunyai peranan untuk dimainkan, dan **ANDA** sebagai doktor veterinar atau profesional kesihatan akuatik, **BOLEH MEMBANTU**. Anda yang sentiasa berhubungan dengan haiwan dan penternak, **adalah barisan depan menghadapi perjuangan rintangan antimikrobia.**

Kita perlu bersama-sama **pastikan penggunaan antimikrobia secara bertanggungjawab dan berhemah** dalam haiwan demi mengekalkan efikasinya.

Menangani rintangan patogen terhadap antimikrobia adalah objektif utama Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (OIE). Melalui Piawaian Antarabangnya, OIE menyokong penggunaan agen antimikrobia yang bertanggungjawab dan berhemah - penting kepada kesihatan dan kebajikan haiwan - **oleh doktor veterinar terlatih**. Aspek utama peranan anda mengikut Piawaian ini sebagaimana yang digariskan dalam muka surat berikut.



GUNALAH ANTIMIKROBIAL SECARA BERTANGGUNGJAWAB DAN BERHEMAH SERTA NASIHATILAH PELANGGAN ANDA UNTUK MENGEKAL EFIKASI ANTIMIKROBIAL

Bilakah dan bagaimana antimikrobia harus digunakan?

- Hanya selepas haiwan menjalani pemeriksaan **klinikal** oleh doktor veterinar atau profesional kesihatan haiwan terlatih.
- Hanya bila perlu setelah mengambil kira senarai agen antimikrobia berkepentingan veterinar OIE.
- Hanya sebagai tambahan dan bukan untuk mengganti amalan **penternakan baik, kebersihan, biosekuriti dan program vaksinasi.**
- Hanya selepas pemilihan agen antimikrobia yang sesuai berdasarkan pengalaman klinikal dan maklumat diagnosis makmal di mana mungkin.
- Sentiasa sebagai tambahan kepada maklumat terperinci mengenai protokol rawatan dan tempoh penarikan.

Pilihan antimikrobia

Bagaimanakah memilih antimikrobia yang sesuai?

Pertimbanglah perkara berikut:

- **Rekod ladang** mengenai penggunaan antimikrobia masa lalu dan sejarah epidemiologi ladang
- **Pengalaman klinikal** dan pertimbangan diagnostik.
- **Maklumat diagnosis makmal jika ada** (kultura dan ujian sensitiviti).
- **Farmakodinamik** (aktiviti menghadapi patogen terlibat).
- **Farmakokinetik** (taburan tisu, efikasi di tempat jangkitan).
- **Senarai antimikrobia berkepentingan veterinar OIE** ketika memilih untuk merawat anda.

Apakah perlu dilakukan jika rawatan barisan pertama gagal?

- Rawatan barisan kedua hendaklah **berasaskan kepada keputusan ujian diagnosis** termasuk ujian sensitiviti.
- Dalam keadaan tiada keputusan ujian, kelas atau sub-kelas yang berbeza hendaklah digunakan.

Bolehkah gabungan antimikrobia digunakan?

- Hanya jika **disokong dengan bukti saintifik.**



Penggunaan wajar dan preskripsi

Apakah yang mesti ditulis atas preskripsi untuk antimikrobial?

- **Rejimen dosej** (dos, selangan rawatan, tempoh rawatan).
- **Tempoh penarikan** untuk daging dan susu.
- **Amaun antimikrobial yang (akan) diberikan**, bergantung pada dos dan bilangan haiwan.
- **Melabel semua drug veterinar** yang dibekalkan.

Bilakah penggunaan antimikrobial secara label-tambahan atau label-luar dibenarkan?

- Dengan persetujuan perundangan kebangsaan.
- Apabila produk berdaftar yang sesuai tidak tersedia.
- Dengan persetujuan pelanggan yang maklum.

Menjadi tanggungjawab doktor veterinar untuk menentukan keadaan penggunaan yang bertanggungjawab termasuk rejimen dos, cara rawatan dan tempoh penarikan dalam kes berkaitan dengan mengambilkira syor dalam senarai OIE.



Latih diri anda dan tingkatkan kesedaran pelanggan tentang AMR

Kenapa?

- Untuk **memastikan pengetahuan anda sentiasa terkini** dan untuk memastikan **pelaksanaan amalan penggunaan antimikrobial yang baik**.

Mengenai apa?

- Maklumat tentang **prevention and disease management**.
- **Keupayaan antimikrobial untuk memilih rintangan**, dan kepentingan kepada kesihatan manusia dan haiwan.
- Keperluan untuk **mengikuti pengesyoran penggunaan yang bertanggungjawab dan berhemah**.
- **Keadaan penyimpanan yang sesuai** dan pelupusan yang sempurna.
- **Penyimpanan rekod**.

Apakah garis panduan yang perlu diwujudkan?

- Organisasi profesional veterinar harus **membangunkan syor-syor amalan klinikal mengikut spesis spesifik** bagi penggunaan antimikrobial yang bertanggungjawab dan berhemah.

Untuk maklumat terperinci, sila rujuk pada Piawaian antarabangsa OIE:

- **Article 6.9.6.**
Responsibilities of veterinarians of the OIE Terrestrial Animal Health Code.
- **Article 6.2.7.**
Responsibilities of veterinarians and other aquatic animal health professionals of the OIE Aquatic Animal Health Code.
- OIE List of antimicrobial agents of veterinary importance.



www.oie.int/amrstandards



Rekod Data

Data apakah yang patut direkodkan oleh doktor veterinar?

- Kuantiti **antimikrobial yang digunakan bagi setiap spesis haiwan**.
- **Perincian kesemua antimikrobial yang dibekalkan** kepada setiap ladang.
- **Jadual rawatan** (termasuk pengenalan haiwan dan tempoh penarikan).
- **Data kerentanan antimikrobial**.
- Komen mengenai **tindakbalas haiwan terhadap rawatan**.
- **Tindakbalas buruk** termasuk kekurangan tindakbalas disebabkan oleh rintangan antimikrobial.



Funded by UK Government



WORLD ORGANISATION FOR ANIMAL HEALTH
Protecting animals, preserving our future